

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO(SETEMPAT)

TARIKH: 30 DISEMBER 2017

MUKA SURAT:18

## 14 PONDOK TERBAKAR DUGAAN DUA MINGGU

■ Pelajar baru mula sesuaikan diri  
kini tinggal sehelai sepinggang

Muhamad Razis Ismail  
dan Siti Nor Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

**B**art dua minggu belajar di Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir di sini, seorang remaja sudah diuji dengan kebakaran yang menyebabkan pondoknya hangus.

Dalam kejadian jam 7.45 malam kelmarin, pondok Muhammad Syawal Zainuddin, 15, terbakar bersama 13 unit lain, malah barang keperluan mereka turut gagal diselamatkan.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Muhammad Syawal yang berasal dari Besut, Terengganu berkata, dia mendaftar masuk ke madrasah itu pada awal bulan ini selepas menamatkan pengajian di sekolah pondok lain di negeri kelahirannya.

"Saya masih lagi dalam proses menyesuaikan diri di madrasah ini kerana baru dua minggu daftar masuk. Memang tidak sangka kejadian ini boleh berlaku dan kini saya tinggal sehelai sepinggang.

"Beberapa barang musnah termasuklah pakaian saya, kitab baru dibeli dan wang tunai RM20 disimpan dalam pondok.

"Saya anggap ini ujian Allah SWT dan saya reda," katanya ketika ditemui sejeurus

kejadian.

Bagi pelajar, Muhd Hafizul Hazmi Mohd Nasaruddin, 25, yang berasal dari Pengkalan Chepa, dia cuba menyelamatkan barang miliknya namun gagal disebabkan api marak dengan cepat.

"Saya berada di tingkat satu masjid, berlari turun untuk masuk ke dalam pondok dan menyelamatkan barang penting. Malangnya, kedudukan pondok yang rapat sebabkan api marak cepat.

"Apapun saya bersyukur, tiada antara kami cedera kerana semua berada di masjid untuk membaca Yasin," katanya yang sudah dua tahun menghuni pondok terbabit.

Sementara itu, Muhammad Abdul Azim Jamali, 18, berkata, tanpa memikirkan apa-apa dia terus masuk ke dalam pondok untuk menyelamatkan al-Quran dan kitab pengajian walaupun pada masa itu api marak di pondok pertama.

"Saya berjaya membawa keluar dokumen pengenalan diri dan kitab yang amat penting memandangkan sudah lima tahun saya mendalami ilmu agama di sini.

"Alhamdulillah kami semua selamat dan hanya pakaian serta peralatan dapur yang musnah," katanya yang berasal dari Bentong, Pahang.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu berkata, akibat kebakaran itu dia mengalami kerugian RM1,000.



DUA pelajar tahfiz menunjukkan kitab yang hangus terbakar.



ANGGOTA bomba berusaha memadamkan kebakaran di Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hilir.